





Ahmad Amzad (dua dari kiri) melihat proses suntikan vaksin Covid-19 kepada seorang penerima di PPV UniSZA, Kuala Nerus hari ini.

# Optimum kadar penggunaan bekalan vaksin Covid-19

Oleh MOHD AZLI ADLAN 13 Jun 2021, 3:40 pm

KUALA NERUS – Kerajaan menyasar untuk meningkatkan lagi kadar penggunaan bekalan vaksin di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seluruh negara bagi mencapai sasaran 200,000 suntikan Covid-19 sehari pada bulan hadapan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, setakat ini, kadar penggunaan bekalan vaksin berbeza-beza di setiap negeri iaitu antara 65 dan 92.8 peratus.

"Kadar penggunaan bekalan vaksin tertinggi di Terengganu dengan 92.8 peratus daripada 183,700 dos diterima telah disuntik kepada rakyat.

"Begitupun ada negeri yang diberi 860,990 dos namun masih mempunyai baki 305,254 iaitu 65 peratus kadar penggunaan vaksinnya," katanya selepas memantau perjalanan hari pertama Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini hari ini.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

Ahmad Amzad berkata, kerajaan sedang mencari pendekatan terbaik untuk mengoptimumkan bekalan vaksin yang diterima di negeri-negeri bagi memastikan seramai mungkin rakyat menerima suntikan vaksin Covid-19 pada masa terdekat.

Ujar beliau, antara pendekatan yang sedang diteliti ialah melanjutkan operasi PPV di seluruh negara selama 24 jam sehari.

"Begitupun kami faham, ia memerlukan penyusunan sumber manusia kerana petugas (barisan hadapan) juga perlu rehat secukupnya.

"Sehubungan itu, kita sedang meningkatkan bilangan petugas kesihatan yang melakukan suntikan (vaksin Covid-19) seperti dalam kalangan doktor pelatih, doktor pergigian dan pesara doktor," katannya. – K! ONLINE


**BERITA SELANJUTNYA**

by

**Pelanggan hina agama Islam antara enam…**

**Jiran gaduh sebab tanaman, parkir…**

**Difitnah masih hisap dadah, Ameng buat…**

AD

**Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin**

**Jong-un ugut bunuh peminat K-pop**

**Syed Saddiq persoal rancangan hiburan tid…**

**Bau busuk bawa penemuan mayat lelaki**

**Lelaki komen lucah di 'live' IG isteri, suami…**

**Dah bernikah ke? Foto berpeluk Elisya, tunan…**









Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

## POPULAR



**Kempen jualan Sime Darby Property cecah RM572 juta**

14 Jun 2021, 10:04 am




**‘Bukan saja suka-suka tentukan gred’**

14 Jun 2021, 10:01 am



**Lebih 500 syarikat mohon sertai Pikas**

14 Jun 2021, 9:58 am



**Kemunculan durian Tupai King**

14 Jun 2021, 9:40 am

## BERITA BERKAITAN



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



### Kemunculan durian Tupai King

14 Jun 2021, 9:40 am



### Penangan pes tomyam Thailand

14 Jun 2021, 9:30 am



### Godaan berbelanja online hantui pembeli

14 Jun 2021, 9:17 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



**Andai kata frontliners rebah, apa nasib kita?**

14 Jun 2021, 9:10 am






Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.